

PENYERAHAN 4 UNIT KENDERAAN PENGUATKUASA OLEH PLUS MANTAPKAN PENGUATKUASAAN PDRM DI LEBUH RAYA

Petaling Jaya, 27 Oktober 2025:- Bagi memperkukuh kerjasama strategik yang telah terjalin selama lebih 30 tahun antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PLUS Malaysia Berhad, (PLUS) serta komitmen berterusan dalam memastikan keselamatan pengguna lebuhraya, PLUS menyerahkan sumbangan kenderaan penguatkuasa kepada PDRM dalam satu majlis yang diadakan di Bukit Aman, hari ini.

Penyerahan sebanyak empat (4) unit kenderaan Honda CRV (1.5 Turbo) telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar kepada Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Mohd Khalid Haji Ismail.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi PDRM, CP Gilbert AK Philip Layang; Timbalan Pengarah (Penguatkuasaan/Kawalan Lalulintas/Pengurusan Saman) Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) PDRM, DCP Mohd Rozi Jidin; Setiausaha Polis Malaysia, DCP Dato' Kamaruzaman Abdullah; Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi; Pengurus Besar Kanan Operasi PLUS, Mohd Yusuf Abdul Aziz; serta pengurusan kanan PDRM.

Penyerahan kenderaan penguatkuasa kepada pihak PDRM adalah untuk membantu memperkasakan lagi peranan unit peronda lebuhraya (Expressway Mobile Patrol Vehicle - EMPV) PDRM dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang, rondaan dan pemantauan dengan lebih efektif di lebuhraya kendalian PLUS.

Inisiatif ini merupakan salah satu kerjasama strategik antara pihak PLUS dan PDRM dalam memastikan orang ramai menikmati perjalanan yang selamat ketika berada di lebuhraya, selain memantapkan kecekapan penguatkuasaan di sepanjang Lebuhraya PLUS.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---